

02/08/2001

Parti politik tidak harus pengaruhi pelajar IPTA

AKTA Universiti dan Kolej Universiti tidak perlu diperketatkan bagi mengawal selia kegiatan pelajar kerana ia lebih memberi tumpuan terhadap urusan pentadbiran universiti dan bukannya disiplin pelajar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd Khir, berkata pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) seharusnya tidak dipengaruhi anasir luar, terutama parti politik.

"Antaranya, tindakan Pas yang cuba meracuni pemikiran pelajar IPTA harus dihentikan kerana ia hanya merosakkan peluang belajar anak-anak muda kita dan seterusnya menghampakan harapan ibu bapa.

"Universiti bukan tempat berpolitik, biar mereka habiskan pengajian sebelum diheret ke dalam kancah politik," katanya menegur kenyataan Saupi Daud (Keadilan-Tanah Merah) yang mendakwa Puteri Umno cuba mendampingi pelajar IPTA untuk kepentingan politik.

Mahadzir turut memaklumkan bahawa bagi sesi akademik 2000/2001 terdapat 170,607 pelajar ijazah pertama di IPTA, termasuk 68,569 atau 40.2 peratus pelajar lelaki dan 102,038 pelajar perempuan (59.8 peratus).

Jumlah pelajar yang meliputi 11 universiti, tiga kolej universiti dan Kolej Tunku Abdul Rahman (TARC) itu secara umumnya menunjukkan pelajar perempuan lebih ramai berbanding lelaki di hampir semua institusi berkenaan.

Hanya Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) mempunyai bilangan pelajar lelaki melebihi pelajar perempuan.

Di Universiti Malaya, pelajar lelaki berjumlah 7,881 orang berbanding 13,668 perempuan diikuti Universiti Sains Malaysia (5,665/9,660), Universiti Kebangsaan Malaysia (5,438/11,679) dan Universiti Utara Malaysia (5,545/11,960). UiTM mencatat 12,041 pelajar lelaki berbanding 7,600 perempuan.

Mengenai kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya kemasukan ke IPTA ditetapkan secara meritokrasi, Mahadzir berkata ia hanya satu saranan untuk mendorong masyarakat berfikir.

Katanya, Perdana Menteri meluahkan kenyataan itu atas sifat prihatin terhadap pembelajaran masyarakat dan dasar kerajaan yang tidak menolak peluang belajar bagi mana-mana pihak yang layak.

Beliau memberi contoh umpamanya bagi sesi akademik 200/2001 seramai 2,647 pelajar dari Kelantan dan 1,072 dari Terengganu mendapat peluang belajar di IPTA berbanding hanya 2,201 dari Perak yang diperintah Barisan Nasional (BN).

Katanya, walaupun dari segi nisbah pelajar dari Perak wajar diberi lebih peluang, kerajaan tidak mendiskriminasi pelajar di Kelantan atau Terengganu yang diperintah pembangkang.

Pada masa yang sama, katanya, kenyataan itu juga wajar dijadikan faktor pendorong kepada pelajar Bumiputra untuk berusaha lebih gigih bagi memastikan pendidikan yang diterima itu bermutu dan memanfaatkan mereka.

(END)